



Pelajar Kejuruteraan raih Tempat Kedua Cipta Model Kereta dan Pembentangan Poster



Barisan depan dari kiri Koh Sin Du, Tey Yee Yang, Dr. Shafreeza Sobri, Ooi Kok Yong, Shalinee Yap, Barisan belakang dari kiri Gan Woei Hwa, Sek Shin Tan, Foong Wai Hoo, Gan Tian Boon bergambar selepas memenangi tempat kedua pada pertandingan 4th Malaysia Chem E-Car Competition baru-baru ini.

ALOR GAJAH, 19 Mac – Dua kumpulan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mendapat tempat kedua kategori Model Car Performance dan kategori poster presentation pada pertandingan 4th Malaysian Chem E-Car Competition baru-baru ini.

Kumpulan pelajar bergelar KOST dari Fakulti Kejuruteraan terdiri daripada Shalinee Yap, Chai Hua, Koh Sin Su, Ooi Koh Yoong dan Tey Yee Yang berjaya mencipta sebuah model kereta yang diberi nama KOST dengan menggunakan tenaga alternatif elektrokimia berasaskan kuasa fuel-cell.

Sementara itu kumpulan pelajar yang diberi nama CNY dari fakulti yang sama terdiri daripada Gan Woei Hwa, Gan Tian Boon, Sek Shin Tan dan Foong Wai Hoo berjaya membentangkan poster berkenaan sumber kuasa, tindakbalas kimia yang menggerakkan kereta, ciri-ciri unik kereta, rekabentuk kereta serta aspek keselamatan, persekitaran dan kelestarian.

Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan, Dr. Dayang Radiah Awang Biak berkata pertandingan tersebut menguji pengetahuan pelajar cara memanipulasikan asas tindakbalas kimia.

"Pertandingan ini memberi peluang kepada pelajar pra siswazah untuk mempamerkan daya kreativiti dan pengetahuan mereka dalam merekabentuk sebuah model kereta yang menggunakan kuasa kimia

"Ia menguji ketelitian pelajar menghasilkan satu tindak balas yang sangat konsisten dengan mengambil kira semua faktor berkaitan dan seterusnya menghapuskan faktor yang tidak dominan," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata ketelitian dan perincian dalam menghasilkan penentuan yang tepat membantu menjaga kemenangan tersebut.

Kajian bagi mereka bentuk model kereta tersebut yang bernilai RM1,000 telah bermula sejak tahun lepas dengan membuat penambahbaikan konsep yang digunakan oleh pelajar yang menyertai pertandingan sama sebelumnya.

Beliau berkata walaupun pasukan CNY tidak menjadi juara dalam pertandingan Model Car Performance tetapi telah berjaya menghasilkan inovasi yang sangat kotemporari.

Kata Dr. Dayang, CNY merupakan satu-satunya pasukan yang menghasilkan sel separa kering menggunakan kaedah yang sangat kreatif.

Pertandingan yang memasuki tahun keempat itu telah berlangsung di Universiti Kuala Lumpur pada 5 Mac lalu dan dianjurkan dengan kerjasama Institut Jurutera Malaysia berdasarkan tema Future Alternative fuel for Sustainability.



Sesi penghakiman bagi model car performance kumpulan KOST.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.